



## **SIARAN MEDIA**

### **PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL (PTPTN)**

#### **“INSENTIF KHAS UNTUK IBU BAPA PELAJAR TAHUN 1”**

**(INSENTIF KHAS GERAN SEPADAN PERCUMA RM50)**

1. YAB Dato’ Seri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia semasa pembentangan Bajet 2017 pada 21 Oktober 2016, telah mengumumkan bahawa Kerajaan menyediakan pemberian Insentif Khas Geran Sepadan bagi simpanan terkumpul sehingga RM50 dalam akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus kepada Pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan.
2. Ini bermakna bermula 1 Januari 2017 yang lalu, mana-mana ibu bapa atau penjaga yang membuat simpanan untuk anak-anak mereka yang merupakan Pelajar Tahun 1 sekolah bantuan penuh Kerajaan akan menerima tambahan keistimewaan iaitu simpanan percuma bernilai RM50.
3. Untuk itu, peruntukan sebanyak RM25juta telah disediakan untuk diberikan secara percuma kepada mereka yang layak. Sehingga 31 Julai 2017, kira-kira 4.94% daripada Pelajar Tahun 1 telah menerima simpanan percuma ini.
4. Ibu bapa/ penjaga tidak perlu membuat permohonan untuk mendapatkan insentif ini. Ibu bapa hanya perlu membuka akaun atau membuat penambahan simpanan SSPN-i/ SSPN-i Plus pada tahun 2017 untuk melayakkan anak mereka menikmati insentif ini.
5. Bagi yang belum mempunyai akaun, ibu bapa/ penjaga perlu membuka akaun SSPN-i/ SSPN-i Plus. Manakala, bagi ibu bapa/ penjaga yang telah mempunyai akaun samada SSPN-i atau SSPN-i Plus, mereka hendaklah membuat penambahan simpanan sekurang-kurangnya RM50 dalam tahun 2017.

6. Bagi ibu bapa/ penjaga yang telah **mempunyai kedua-dua akaun** iaitu SSPN-i dan SSPN-i Plus, insentif ini akan **dimasukkan dalam akaun SSPN-i Plus sebagai simpanan tambahan, tanpa ditolak premium takaful.**
7. Insentif ini diberikan sekali untuk setiap Pelajar Tahun 1 yang layak. Ini bermaksud sekiranya ibu bapa/ penjaga mempunyai lebih daripada seorang anak yang merupakan Pelajar Tahun 1, (contohnya anak kembar), setiap anak tersebut tetap layak untuk menikmati insentif ini. Yang penting, ibu bapa membuat pembukaan akaun/ penambahan deposit bagi akaun masing-masing.
8. Insentif ini akan dimasukkan ke dalam akaun pada bulan berikutnya apabila jumlah simpanan mencecah RM50.
9. Pemberian insentif ini **merupakan salah satu bentuk galakan penabungan terutamanya kepada ibu bapa agar memulakan simpanan daripada kecil demi kecemerlangan pendidikan anak-anak pada masa hadapan.**
10. Kepada semua **ibu bapa Pelajar Tahun 1** yang masih belum membuka akaun atau membuat tambahan simpanan untuk anak-anak **segeralah menyimpan dengan SSPN-i/ SSPN-i Plus sebagai penabungan bagi tujuan pendidikan mereka.**

**(HADIAH TAHUNAN RM100,000 DAN HADIAH BULANAN RM10,000)**

11. PTPTN melancarkan Cabutan **WOW! 20 Tahun PTPTN** kepada semua pendeposit SSPN-i dan SSPN-i Plus yang membuat pembukaan atau penambahan akaun. Lebih 2,500 hadiah bernilai RM500,000 telah disediakan untuk pendeposit.
12. **Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN** ini merangkumi **Cabutan Bulanan** dan **Cabutan Istimewa** yang diadakan sempena ulangtahun ke-20 penubuhan PTPTN iaitu bermula pada tahun **1997 hingga 2017**. Ia juga sebagai **tanda penghargaan dan dorongan serta galakan kepada masyarakat Malaysia yang menyimpan dengan PTPTN** yang merupakan Tabung Pendidikan utama negara.

13. Dengan hadiah yang cukup menarik disediakan oleh PTPTN sebagai tambahan kepada keistimewaan-keistimewaan lain yang telah diberikan, **semua lapisan masyarakat perlu merebut peluang dengan membuka akaun atau menambah simpanan di dalam SSPN-i dan SSPN-i Plus.**
14. Melalui cabutan ini, **pendeposit SSPN-i Plus** layak memenangi **hadiah utama Cabutan Tahunan sebanyak RM100,000**. Manakala **pendeposit SSPN-i dan SSPN-i Plus** pula layak memenangi **hadiah utama Cabutan Bulanan sebanyak RM10,000 pada setiap bulan**. Cabutan Bulanan juga khusus untuk pembukaan akaun atau penambahan simpanan bagi Pelajar Tahun 1 2017. Jadi ibu bapa yang mempunyai anak Tahun 1 perlu berebut peluang **RM10,000 setiap bulan** yang telah disediakan.
15. **Tahniah kepada pendeposit bertuah yang berjaya memenangi hadiah Cabutan WOW! 20 Tahun PTPTN bagi kategori Cabutan Bulanan (Julai 2017).** Usaha dan kesedaran penabungan sebeginilah yang ingin PTPTN terapkan kepada masyarakat Malaysia yang lain.

#### **(SSPN-i/ SSPN-i PLUS SIMPANAN TERBAIK)**

16. **Kewujudan Skim Simpanan Pendidikan Nasional sememangnya merupakan suatu anugerah kepada rakyat Malaysia kerana instrumen ini merupakan pelan simpanan terbaik yang disediakan untuk rakyat yang bergelar warganegara Malaysia.**
17. Rakyat beragama Islam juga tidak perlu khuatir kerana skim simpanan pendidikan daripada PTPTN ini adalah produk yang sentiasa **berpandukan kepada sistem kewangan yang patuh syariah**, selain simpanannya yang **dijamin oleh Kerajaan**.
18. Dengan menabung bagi tujuan simpanan pendidikan, masa depan anak-anak akan terjamin kerana memperoleh **perlindungan takaful yang amat murah dan komprehensif**.
19. Kadar **dividen yang diberikan adalah amat kompetitif** berbanding yang diberikan oleh lain-lain institusi kewangan. Sehingga kini, **kadar dividen yang diberikan pernah mencécah sehingga 4.25%**.

20. Ibu bapa yang membuat penabungan pula diberikan **pelepasan taksiran cukai sehingga RM12,000 setahun**. Pelepasan taksiran cukai yang diberikan ini membuktikan bahawa ternyata skim simpanan ini amat istimewa. **Kesemua manfaat ini, jika dikira memberi pulangan sehingga 28% kepada pendeposit.**
21. Untuk makluman, **sehingga 31 Julai 2017**, sebanyak **3.0 juta akaun** dibuka dengan **Jumlah deposit simpanan sebanyak RM2.89 bilion**.
22. **Fungsi PTPTN bukanlah hanya memberikan pinjaman semata-mata tetapi juga sebagai institusi penabungan pendidikan melalui SSPN-i dan SSPN-i Plus.** Dalam konteks ini, **PTPTN tidak seharusnya dilihat sebagai pemberi pinjam dan pengutip hutang semata-mata tetapi sebaliknya dilihat sebagai TABUNG PENDIDIKAN untuk rakyat Malaysia**, sebagaimana Lembaga Tabung Haji dilihat untuk mengerjakan haji dan KWSP dilihat untuk simpanan apabila telah bersara. Maka, **sekiranya ingin melihat anak-anak berjaya mendapat pendidikan tinggi, ada PTPTN - TABUNG PENDIDIKAN Anda.**
23. **Menabung sekarang untuk pendidikan masa akan datang** adalah merupakan satu tindakan yang amat bijak berbanding hanya bergantung sepenuhnya kepada pinjaman. Dengan **penabungan di usia yang masik kecil, pastinya masa depan pendidikan akan lebih terjamin dan apabila bergraduan hanya mempunyai hutang pendidikan yang minimum**. Layari [www.lovesspn.com](http://www.lovesspn.com).

**Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)**

**7 September 2017**